

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK YAYASAN SELANGOR

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini projek pembinaan semula Yayasan Selangor di Bukit Bintang.
- b) Status terkini projek pembangunan semula Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur (AYSKL) di Kampung Pandan.

JAWAPAN:

- a) Projek pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang telahpun diluluskan oleh pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor dan sedang di dalam proses pelaksanaan.
- b) Pihak Yayasan Selangor telah bekerjasama dengan pihak Menteri Besar Incorporated (MBI) dalam melaksanakan Request for Proposal (RFP) untuk melaksanakan projek pembangunan bercampur (*mixed development*) tanah tersebut bagi mendapatkan pulangan yang terbaik dari pemaju. Proses RFP ini sedang didalam peringkat akhir penilaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KEBOLEHPASARAN BELIA

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah anak muda yang mendapat manfaat daripada pelaksanaan program IKTSASS yang diperuntukkan sebanyak RM 52 juta pada tahun 2018?
- b) Apakah Kerajaan Negeri juga akan menghubungkan pelajar dan industri selepas tamatnya program latihan bersama IKTISASS?

JAWAPAN:

- a) Jumlah anak muda yang mendapat manfaat daripada pelaksanaan Program IKTISASS sehingga Oktober 2018 ialah seramai 1211 orang dengan kos sebanyak RM10 juta.
- b) Tindakan Kerajaan Negeri:-
 - 1. Pencapaian pelaksanaan Program IKTISASS atau *Key Performance Indicator (KPI)* diukur berdasarkan jumlah pelajar atau pelatih mendapat penempatan pekerjaan selepas tamat latihan. Oleh itu, menjadi kewajipan untuk setiap pusat latihan yang dipilih mestilah mempunyai jaringan industri.
 - 2. Sehubungan itu, pendedahan dan latihan intensif ini dilaksanakan oleh kerajaan negeri selaras dengan cabaran revolusi industri 4.0 dengan kerjasama sektor industri. Melalui penawaran program ini, pihak industri juga menyediakan peluang pekerjaan secara langsung kepada para pelatih yang terlibat.
 - 3. Melalui *Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC)*, Jalinan kerjasama bersama industri bermula dari awal pelaksanaan Program IKTISASS iaitu melalui proses temu duga sebelum memulakan latihan dan jaminan peluang pekerjaan oleh syarikat terpilih setelah tamat latihan. Program IKTISASS berkonsepkan latihan "*industry demand driven*" yang menentukan bahawa sesuatu bentuk latihan hanya berdasarkan permintaan industri.

4. Antara industri yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Bidang	Syarikat
I.	Pembuatan (Elektrikal & Elektronik)	<ul style="list-style-type: none"> • NXP Freescale Semiconductor Sdn. Bhd. • Daikin Electronic Devices Malaysia Sdn Bhd • Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn. Bhd. • Samsung Electronics (M) Sdn Bhd
II.	Sains Hayat	<ul style="list-style-type: none"> • Pahang Pharmacy Sdn. Bhd. • Glaxo Smith Kline Sdn. Bhd.
III.	Pembuatan (Makanan)	<ul style="list-style-type: none"> • Campbell Asia Pacific Sdn. Bhd. • MacFood Services (M) Sdn Bhd • Hiro Food Package Manufacturers Sdn Bhd
IV.	Peralatan Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> • New Hoong Fatt Holdings Bhd. • GE Engine Services Sdn. Bhd. • APM Holdings Bhd. • Sepang Aircraft Engineering Sdn Bhd • Airfoil Services Sdn Bhd
V.	Peralatan Pemesinan / Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Malaysian Car Parts Manufacturing Association (MACPMA) • Khind Mistral Industries Sdn. Bhd. • Antah Schindler Malaysia Sdn. Bhd. • Southern PC Steel Sdn Bhd • KAH HONG PRECISION TOOLING SDN BHD • CS YAP Engineering Sdn Bhd • Otis Elevator Company (M) Sdn Bhd

Oleh itu, dengan pelaksanaan Program IKTISASS dan dengan kerjasama langsung dengan pihak industri ini, ia dapat meningkatkan kebolehpasaran golongan belia seterusnya meningkat ekonomi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEROBOHAN MASJID DAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DI
PEKAN DENGKIL**

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu perobohan Kuil serta Masjid Pekan Dengkil atas tanah yang dimiliki Intan Jugra Sdn Bhd?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, tanah yang terlibat adalah tanah hak milik dan menurut Seksyen 340, Kanun Tanah Negera, kepentingan Pemilik Tanah adalah tidak boleh disangkal. Oleh yang demikian penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan adalah tanggungjawab Pemilik Tanah. Walau bagaimanapun, Pejabat Daerah Tanah Sepang telah menyarankan kepada Pemilik Tanah, pihak kuil dan masjid untuk mengadakan rundingan bagi cadangan penyelesaian secara harmoni.

Untuk makluman Y,B, Dengkil juga, berhubung dengan isu tapak masjid, Kerajaan Negeri telah merizabkan tapak seluas 10 ekar bagi pembinaan Masjid Baru Pekan Dengkil berhampiran dengan kedudukan masjid sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENGAMBILAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kakitangan baru Kerajaan Negeri yang diambil sepanjang 2015-2017.
- b) Jabatan mana paling ramai dalam pengambilan tersebut? Nyatakan secara terperinci.

JAWAPAN:

- a) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bab 10 Fasal XCVII (9) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 bertanggungjawab terhadap urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan menjalankan kawalan tatatertib anggota perkhidmatan yang di bawah bidang kuasanya. Jadual di bawah menunjukkan jumlah kakitangan awam lantikan tetap yang telah dilantik oleh pihak SPN Selangor dari Tahun 2015 hingga 2017 iaitu seramai 709 orang. Penempatan bagi setiap kakitangan lantikan baru ini dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

BIL.	TAHUN	JUMLAH
1.	2015	283
2.	2016	277
3.	2017	149

- b) Berdasarkan rekod dan data urusan penempatan lantikan baru yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor daripada pihak SPN Selangor, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor merupakan jabatan yang menerima paling ramai kakitangan lantikan baru bagi tempoh Tahun 2015 hingga 2017 iaitu dengan jumlah 155 orang. Jadual di bawah menunjukkan pecahan jawatan dan jumlah kakitangan baru yang diterima oleh pihak JKR Negeri Selangor dari Tahun 2015 hingga 2017.

BIL.	JAWATAN	GRED	TAHUN LANTIKAN		
			2015	2016	2017
1.	Penolong Jurutera (Awam)	JA29	-	11	-
2.	Penolong Jurutera (Elektrik)	JA29	-	2	-
3.	Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	-	3	-
4.	Penolong Juruukur Bahan	JA29	-	2	-
5.	Penolong Pegawai Senibina	JA29	-	2	-
6.	Pelukis Pelan	JA19	1	-	1
7.	Pembantu Kemahiran	H19	34	-	-
8.	Pemandu Kenderaan	H11	37	10	-
9.	Pembantu Awam	H11	39	7	-
10.	Pembantu Operasi	N11	-	2	4
JUMLAH			111	39	5

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan di Selangor dari 2016-2018.
- b) Senaraikan program yang dianjurkan pada 2018 bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan keberkesanannya.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor menurut portal JobsMalaysia dari tahun 2016 hingga 2017 adalah sebanyak **898,172 peluang pekerjaan**.

TAHUN	PELUANG PEKERJAAN
2016	212,495
2017	392,987
2018	292,690
JUMLAH	898,172

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut sepanjang tahun 2018 bagi meningkatkan peluang pekerjaan di Selangor seperti berikut:

- i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini akan dilaksanakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2018. *Selangor Job Fair* siri satu (1) telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di *Shah Alam Convention Centre*, Shah Alam. Sebanyak 5,359 peluang pekerjaan telah ditawarkan dan daripada jumlah tersebut seramai 3,177 calon telah berjaya mendapat pekerjaan. *Selangor Job Fair* siri dua (2) akan diadakan pada 13 – 15 Disember 2018 bertempat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

- ii. **Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Peruntukan tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional percuma adalah berjumlah RM 5,000,000.

iii. **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iv. **Program Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)**

Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

Pada tahun 2016 hingga 2017, seramai 402 peserta telah terpilih untuk menyertai PROGRESS. Daripada jumlah tersebut, seramai 347 orang peserta (86.32%) telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat terpilih setelah tamat program tersebut.

v. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM52,000,000 setahun. Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 2,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran melalui kerjasama dengan Strand Aerospace, INPENS, Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC), dan SST & Consultancy Academy. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional bagi memenuhi industri seperti industri aeroangkasa dan industri halal kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENDIDIKAN

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah kepadatan penempatan baru murid darjah satu?
- b) Kenapakah anak syarikat kerajaan negeri iaitu UNISEL memiliki tunggakan bayaran sebanyak RM200,000.00 kepada Majlis Daerah Kuala Selangor?

JAWAPAN:

- b) Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Pendidikan Industri YS Sdn Bhd. (PIYSB) pada 19 Sept 2018 meluluskan cadangan supaya pihak MDKS membuat kertas cadangan kepada MMKN supaya UNISEL dikecualikan daripada bayaran cukai berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA PERSENDIRIAN

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah sekolah agama Islam persendirian dalam Negeri Selangor?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan semua sekolah ini didaftarkan?
- c) Apakah tindakan yang akan diambil kepada pihak sekolah yang gagal berbuat demikian?

JAWAPAN:

- a) Jumlah sekolah agama persendirian yang berdaftar adalah seperti berikut:

BIL	JENIS SEKOLAH	BILANGAN
1.	Sekolah Rendah Agama Swasta	308
2.	Sekolah Menengah Agama Swasta	61
JUMLAH		369

- b) Semua sekolah agama persendirian wajib berdaftar merujuk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988 (pindaan 2001)
- c) Tindakan boleh diambil berdasarkan Seksyen 22 (Kesalahan dan Penalti) Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988 (pindaan 2001):

Seksyen 22. Kesalahan dan penalti.

Mana-mana orang yang

- I. menubuhkan, menguruskan atau mengendalikan Sekolah Islam tanpa Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini; atau
- II. bertindak dengan melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya,

adalah melakukan kesalahan dan di mana tiada hukuman ditetapkan bagi kesalahan itu, boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau dalam hal kesalahan kali kedua atau seterusnya, dikenakan penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SMK

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sesetengah Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan desa dan semi-urban memerlukan suntikan dana untuk membuat pendawaian semula. Apakah kerajaan Selangor akan merangka satu dasar bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk tujuan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri buat masa ini mengekalkan dasar sedia ada iaitu agihan yang dilaksanakan kepada SJKC, SJKT, Mubaligh dan SMJK. Cadangan untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan berhubung Program Bantuan ini akan diteliti oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : TANAH DALAM KAWASAN KAMPUNG

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tanah dalam kawasan kampung yang telah diduduki oleh penghuni tanpa mempunyai geran tanah, adakah Kerajaan Negeri mempunyai SOP kepada mereka untuk memohon tanah yang telah diduduki berpuluh tahun?

JAWAPAN:

- a) Bagi tanah dalam kawasan kampung yang telah diduduki oleh penghuni tanpa mempunyai geran tanah, penduduk boleh memohon tanah secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Pemberimilikan tanah adalah sebahagian daripada kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk melupuskan Tanah Kerajaan berdasarkan Seksyen 43 KTN 1965.

Selain daripada syarat-syarat utama yang dinyatakan dalam Seksyen 43 KTN 1965, Kerajaan Negeri juga melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah mengeluarkan Pekeliling-Pekeliling dan Arahan-Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor seperti :

- i. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6 Tahun 2011 mengenai Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor; dan
- ii. Pemberimilikan Tanah Kerajaan bagi tujuan bangunan perniagaan dan perindustrian melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6/2010 mengenai Garis Panduan Pelupusan Tanah Kerajaan Melalui Kaedah Jualan di Negeri Selangor. Melalui polisi ini hanya dua (2) kaedah pelupusan iaitu pelupusan tanah secara jualan terus atau secara tender.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh menerima permohonan daripada individu atau syarikat yang mematuhi Seksyen 43 KTN 1965 dan pemohon mengemukakan Borang Permohonan Jadual 1 kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Permohonan tersebut akan diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Walau bagaimanapun, asas pertimbangan yang digunakan untuk menimbang permohonan individu bagi tujuan kediaman perlulah selaras dengan Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2011. Pemberimilikan akan dipertimbangkan kepada pemohon yang telah mengusaha dan mendiami tapak sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh 1 Januari 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TUNGGAKAN CUKAI ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tunggakan cukai tanah semua agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri mengikut daerah.
- b) Adakah PKNS telah menjelaskan tunggakan cukai tanah kepada semua daerah? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB. Kuala Kubu Baharu, melalui semakan di dalam Sistem eHasil sehingga 31 Oktober 2018, jumlah tunggakan cukai tanah bagi semua agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM26,442,762.03. Pecahan tunggakan mengikut daerah, Klang adalah sebanyak RM5,198,942.63, Kuala Langat RM332,389.84, Kuala Selangor RM2,091,191.70, Hulu Langat RM1,467,322.84 diikuti Hulu Selangor RM6,153,354.94, Petaling RM5,516,891.18, manakala untuk Gombak pula adalah sebanyak RM4,704,561,891.18, Sepang sebanyak RM958,888.21 dan akhir sekali Sabak Bernam sebanyak RM19,218.80.
- b) Sehingga 31 Oktober 2018, nilai tunggakan cukai tanah yang belum dijelaskan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah sebanyak RM9,930,091.55 meliputi keseluruhan sembilan (9) buah daerah di Negeri Selangor dengan bilangan hakmilik yang masih mempunyai tunggakan cukai adalah sebanyak 9,406 hakmilik. Manakala jumlah bayaran cukai dan tunggakan cukai yang telah dijelaskan oleh pihak PKNS kepada Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah sebanyak RM16,650,488.74 melibatkan 4,449 hakmilik.

Antara sebab utama tunggakan cukai tanah ini belum dijelaskan oleh pihak PKNS adalah kerana kebanyakan hartanah yang mempunyai tunggakan ini adalah hartanah yang telah dijual kepada pembeli dan telah diduduki atau disewa oleh pembeli tetapi urusan pindahmilik masih belum disempurnakan oleh pembeli mengakibatkan surat hakmilik masih berdaftar di atas nama pihak PKNS. Rentetan daripada situasi ini ianya telah menyebabkan berlakunya tunggakan cukai tanah ini.

MAKLUMAT TAMBAHAN

JUMLAH TUNGGAKAN AGENSI DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MENGIKUT DAERAH SEHINGGA 31 OKTOBER 2018

BIL.	DAERAH	TUNGGAKAN (RM)
1.	KLANG	5,198,942.63
2.	KUALA LANGAT	332,389.84
3.	KUALA SELANGOR	2,091,191.70
4.	HULU LANGAT	1,467,322.84
5.	HULU SELANGOR	6,153,354.94
6.	PETALING	5,516,891.18
7.	GOMBAK	4,704,561.89
8.	SEPANG	958,888.21
9.	SABAK BERNAM	19,218.80
JUMLAH		26,442,762.03

ri Sistem eHasil sehingga 31 Oktober 2018

PECAHAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH PKNS MENGIKUT DAERAH SEHINGGA 31 OKTOBER 2018

BIL.	DAERAH	JUMLAH HAKMILIK	TUNGGAKAN (RM)
1.	KLANG	1,099	2,905,490.39
2.	KUALA LANGAT	55	21,212.60
3.	KUALA SELANGOR	287	17,757.00
4.	HULU LANGAT	1,795	905,577.34
5.	HULU SELANGOR	1,553	439,170.25
6.	PETALING	3,322	4,175,175.33
7.	GOMBAK	1,292	1,423,705.94
8.	SEPANG	1	37,985.10
9.	SABAK BERNAM	2	4,017.60
JUMLAH		9,406	9,930,091.55

Sumber dari Sistem eHasil sehingga 31 Oktober 2018

**PECAHAN NILAI TUNGGAKAN MENGIKUT AGENSI DAN ANAK
SYARIKAT NEGERI BERDASARKAN DAERAH SEHINGGA 31
OKTOBER 2018**

BIL	NAMA	KLANG	KUALA LANGAT	KUALA SELANGOR	SABAK BERNAM	HULU LANGAT	HULU SELANGOR	PETALING	GOMBAK	SEPAANG
1	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)	60,102.10	1,068.90	773.40	1,214.50	21,226.90	7.00	5,211.20	2,030.80	8
2	PEMERBADANAN MENTERI BESAR SELANGOR (MBI)	-	-	2,080,320.90	-	-	3,910,349.60	11,824.60	2,377,248.80	
3	PEMERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)	2,905,490.39	21,212.60	17,757.00	4,017.60	905,577.34	439,170.25	4,175,175.33	1,423,705.94	37.9
4	PEMERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (PKS)	12,685.00	62,163.70	11,975.50	310.10	128,656.60	21,391.60	148,897.40	200,933.60	35.8
5	SAP HOLDINGS BHD	-	-	11,588.80	-	-	66,285.70	324,453.30	226,600.25	20.1
6	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (SUK)	61,341.90	58,243.79	5,921.25	3,598.40	387,497.60	95,463.19	414,725.00	187,047.40	15.5
7	KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BHD	-	6,496.00	-	-	-	-	90,348.25	-	4
8	PERMODALAN NEGERI SELANGOR BHD (PNSB)	67,029.57	168,268.95	12,785.60	10,078.20	9,205.70	1,279,887.90	234,542.20	286,995.10	822.7
9	KUMPULAN DARUL EHSAN BHD (KDEB)	-	-	18.25	-	-	-	20,668.70	-	17.4
10	PEMERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)	-	-	-	-	15,158.70	164.00	-	-	7.8
11	YAYASAN SELANGOR	41.00	14,935.90	51.00	-	-	340,635.70	-	-	
12	CENTRAL SPECTRUM	2,092,252.67	-	-	-	-	-	-	-	
13	MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSNS)	-	-	-	-	-	-	91,045.20	-	
	JUMLAH	5,198,942.63	332,389.84	2,091,191.70	19,218.80	1,467,322.84	6,153,354.94	5,516,891.18	4,704,561.89	958.8

